

## **Keunikkan Amalan Melihat Anak Bulan di Malaysia**

“Bagi menyempurnakan titah perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, setelah diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, maka dengan ini saya mengisytiharkan bahawa 1 Ramadan 1438 Hijrah ialah pada .....”

Begitulah ucapan dari Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang penuh debaran, setiap kali umat Islam di Malaysia mahu menyambut 1 Ramadan. Saya yakin hampir semua kita sudah menghafal dialog tersebut kerana setiap tahun, 3 kali kita akan diperdengarkannya. Namun adakah kita tahu, apa yang berlaku sebelum pengisytiharan ini disiarkan?

Setiap tahun kita menyambut kedatangan Ramadan dan 2 Hari Raya. Namun saban tahun itu jugalah kita mendengar pelbagai persoalan berkaitan kenampakan hilal dipersoalkan. Ditambah dengan media sosial seperti FB, tweeter, wassup, telegram dan pelbagai lagi media sosial, semua pihak mahu memberikan pandangan tentang isu ini. Ada yang mempertikaikan kenapa orang lain nampak anak bulan tetapi kita di Malaysia tidak juga nampak-nampak anak bulan. Ada juga yang menyatakan bahawa melihat anak bulan adalah satu perkara yang membuang masa. Semua persoalan ini, sebenarnya membayangkan bahawa masyarakat belum dapat memahami sepenuhnya amalan melihat anak bulan dalam konteks kita di Malaysia khususnya di Perak.

Melihat anak bulan bukanlah semata-mata amalan ‘ritual’ kita di Malaysia atau di seluruh dunia. Namun ia adalah ibadah yang dilakukan sebagai ‘wasilah’ untuk mencapai ‘matlamat’ iaitu menetapkan permulaan puasa. Sandaran amalan ini adalah berdasarkan hadis Nabi S.A.W yang bermaksud : “Berpuasa bila kamu melihatnya (hilal Ramadan), berhari rayalah bila kamu melihatnya (hilal Syawal), sekiranya penglihatanmu dilindungi awan, maka sempurnakan bulan Sya’ban 30 hari” (Riwayat Bukhari). Berdasarkan hadis ini, puasa dan hari raya diikat dengan nampak atau tidak anak bulan. Dari hadis ini juga kita dapat memahami bahawasanya nampak anak bulan kelihatan atau tidak, orang yang pergi melihat anak bulan tetap berpahala. Ini kerana melihat anak bulan adalah satu kewajipan fardhu kifayah. Maka melaksanakan fardhu kifayah tentu sekali berpahala.

Melihat anak bulan mempunyai disiplin yang tersendiri. Dalam konteks kita di Malaysia terdapat 29 lokasi yang telah diwartakan bagi melihat anak bulan secara rasmi. Lokasi ini telah dikenal pasti, sebagai lokasi strategik untuk melihat anak bulan. Bagi negeri Perak, lokasi yang dipilih ialah Baitul Hilal, Pantai Pasir Panjang. Lokasi ini berhampiran dengan pantai, menghadap ufuk barat dan agak terasing dari bandar terdekat iaitu Manjung. Ini kerana anak bulan biasanya berada rendah di ufuk sebelah barat ketika matahari terbenam. Oleh kerana anak bulan mempunyai cahaya yang malap, lokasinya perlu jauh dari pencemaran cahaya yang berpunca dari lampu-lampu yang biasanya bersinar kuat di bandar-bandar.

Pada majlis melihat anak bulan pula, ia akan didahulukan dengan majlis zikir dan ceramah khas yang biasa disampaikan oleh para pendakwah yang dijemput khas. Majlis zikir yang diadakan sebenarnya penting. Ini kerana melihat anak bulan bukanlah satu ibadah yang

boleh dilakukan setiap hari. Maka majlis zikir ini berfungsi agar semua yang mahu melihat anak bulan mempunyai hati yang bersih dan jauh dari maksiat. Malah saya juga pernah dipesan oleh tuan-tuan guru bahawa bagi mereka yang mahu melihat anak bulan maka terlebih dahulu memperbanyakkan zikir, agar Allah S.W.T memudahkan segala urusan.

Ketika melihat anak bulan, terdapat 2 cara melihat anak bulan iaitu dengan mata kasar dan menggunakan peralatan seperti teodolite dan teleskop. Dengan mata kasar, penglihatan kita akan lebih luas, manakala dengan peralatan pula penglihatan kita akan lebih fokus. Bagi memudahkan aktiviti melihat anak bulan, maka kita memerlukan data Matahari dan Bulan. Data-data ini perlu disediakan berdasarkan koordinat lokasi dengan sela masa 1 minit. Berpandukan data-data ini, seseorang itu akan menumpukan kepada satu arah yang telah pun dikenalpasti.

Melihat anak bulan adalah kerja yang memerlukan ketelitian. Bagi seorang ahli falak, tumpuan sepenuhnya perlu diberikan ketika waktu matahari telah terbenam. Ini kerana setelah matahari terbenam, ketika inilah potensi anak bulan kelihatan lebih besar. Ketika ini setiap peralatan telah pun siap didirikan dengan stabil. Fokus penglihatan telah dikunci pada fokus yang tepat. Lualan dan masa hilal boleh dilihat, juga telah dikenalpasti.

Setelah keputusan sama ada hilal telah dilihat atau tidak, maka ia perlu dilaporkan pada Penyimpan Mohor Besar dan pejabat Tuanku Sultan Perak. Maka disinilah peranan Penyimpan Mohor Besar untuk mendapatkan perkenan Duli-duli Tuanku. Setelah itu, barulah Penyimpan Mohor Besar akan mengumumkannya kepada masyarakat melalui siaran media.

Itulah secara ringkasnya amalan melihat anak bulan di Malaysia. Ia jelas bukanlah satu amalan semborono yang dilakukan tanpa disiplin tertentu. Sebaliknya penuh hikmah dan teliti. Semuanya itu bagi memastikan penentuan awal puasa dan hari raya dapat ditetapkan pada tarikh yang tepat seperti disarankan oleh Rasul S.A.W dan sesuai dengan fitrah alam. Kesimpulannya melihat anak bulan adalah amalan yang berasaskan akar fiqh, disuluh cahaya ilmu falak dan dihiasi indah tradisi kerana itulah keunikkan amalan melihat anak bulan di Malaysia.

Mohamad Faizal Bin Jani.  
Pegawai Falak,  
Jabatan Mufti Negeri Perak.